

28/12/2001

Galeri Tun Ismail papar sejarah seorang negarawan

"HARIMAU mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Segala pengorbanan dan jasa, kadangkala tidak dapat dinilai dengan air mata atau monumen. Jasa dan sumbangan insan bernama Allahyarham Tun Ismail bin Mohamed Ali dalam diari kelahiran PNB, terlalu besar ertinya bagi seluruh warga PNB dan kejayaan bukan saja bagi golongan Bumiputera hari ini, bahkan juga kepada warga Malaysia secara keseluruhannya dan masyarakat serantau.

Allahyarham ketika hayatnya banyak menyumbangkan buah fikiran untuk meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera dalam bidang ekonomi, kewangan dan pelaburan. Beliau yang juga Gabenor Bank Negara dan Pengerusi PNB pertama, berjasa besar kepada negara kerana kedua-dua organisasi ini kini menjadi organisasi utama dalam pembangunan kewangan dan ekonomi negara selama ini.

Sebagai seorang yang terkenal dengan ketegasannya dan beramanah tinggi, nama Allahyarham bukanlah asing di persada kewangan negara. Malahan, beliau turut dikenali dan dihormati pada peringkat antarabangsa. Allahyarham yang mengemukakan idea untuk memperkenalkan saham amanah iaitu pemilikan saham kecil kepada saham yang lebih besar melalui Amanah Saham Nasional (ASN) pada awal 1981. Ia sudah membuahkan hasil dan dari situ lahir beberapa lagi saham amanah. Sifat amanah dan dedikasi Allahyarham kini menjadi teras pengamalan pengurusan PNB dalam menjalankan amanahnya menguruskan pelaburan dana saham amanahnya.

Menurut Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, sejak ASN diperkenalkan sehinggalah pelancaran ASN 3 pada Oktober tahun lalu, sejumlah tujuh juta pemegang unit saham amanah dengan jumlah melebihi RM36 bilion.

Bagi mengenang jasa dan sumbangan Allahyarham terhadap pencapaian PNB sebagai sebuah institusi kewangan berprestij hari ini dan pembabitan golongan Bumiputera dalam saham amanah, PNB mengumumkan bahawa Galeri PNB ditukar nama kepada Galeri Tun Ismail Mohamed Ali, secara rasmi pada 24 Disember 2001.

"Galeri Tun Ismail Mohamed Ali adalah sebuah `galeri hidup' di mana bahan pamerannya akan ditukar setiap enam bulan sekali. Sebahagian besar ruang galeri ini mempamerkan foto koleksi peribadi Allahyarham yang belum pernah disiarkan oleh media," ujar Ahmad Sarji dalam ucapan aluannya.

Selain memuatkan sejarah dan kejayaan Allahyarham Tun Ismail, galeri itu turut mempamerkan foto berkaitan latar belakang PNB dan maklumat mengenai Minggu Saham Amanah Malaysia.

Majlis perasmian galeri itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di pekarangan bangunan PNB. Turut hadir Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah dan isteri; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin; Lembaga Pengarah dan kakitangan PNB.

Perdana Menteri dalam ucapan perasmiannya tidak dapat menahan sebak ketika mengimbas sumbangan Allahyarham ke arah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi melalui pembentukan PNB. Menurut beliau, antara jasa terbesar Allahyarham ialah menggunakan pendekatan unik melalui pemilikan saham oleh Bumiputera dalam syarikat besar di negara ini.

"Allahyarham ialah contoh seorang Bumiputera yang menjayakan dirinya dan dapat menguasai ilmu kewangan dan ekonomi dan telah diiktiraf sebagai pakar pengurusan kewangan bukan saja di negara ini malah pada peringkat

dunia," kata Perdana Menteri. Dr Mahathir berharap Galeri Tun Ismail Mohamed Ali dapat dijadikan rujukan kepada generasi muda agar mereka menghargai usaha yang dilakukan Allahyarham lakukan selama ini.

Disamping itu, bagi mengenang jasa Allahyarham, PNB menubuhkan Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) dengan menyediakan biasiswa dalam bidang perundangan, keusahawanan, ekonomi, perakaunan dan kejuruteraan pada peringkat diploma dan siswazah dalam dan luar negara. YTI juga turut menaja dua kursi profesiorial di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi menaja penyelidikan dalam bidang pelaburan dan kewangan dan di Universiti Malaya (UM) bagi bidang undang-undang korporat, sekuriti dan kewangan. Selain itu, YTI turut menaja penghasilan sebuah biografi Allahyarham Tun Ismail bagi dijadikan rujukan dan tatapan generasi muda masa kini.

(END)